

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : **BON PELAKSANAAN**

TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018

MUKA SURAT : 1/6

BIL	PERKARA	MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK	RUJUKAN
1.	Takrifan	<p>1.1 Bon Pelaksanaan</p> <p>Bon Pelaksanaan adalah merupakan suatu aku janji tidak bersyarat (<i>unconditional undertaking</i>) oleh sesuatu institusi kewangan yang dibenarkan oleh Perbendaharaan untuk membayar kepada Kerajaan suatu amaun tertentu atas tuntutan (<i>on demand</i>) sekiranya kontraktor tidak atau gagal mematuhi, memenuhi dan melaksanakan obligasinya di bawah kontrak.</p>	
2.	Asas Pengiraan Bon Pelaksanaan	<p>2.1 Bon Pelaksanaan dikenakan bagi kontrak kerja yang melebihi RM200,000.00</p> <p>2.2 Kontraktor hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan sebanyak lima peratus (5%) daripada jumlah harga kontrak sebelum sesuatu kerja dimulakan.</p> <p>Contoh:</p> <p style="margin-left: 40px;">Jumlah harga kontrak kerja = RM300,000.00 Bon Pelaksanaan = 5% x RM300,000.00 = RM15,000.00</p> <p>2.3 Bagi perolehan bekalan / perkhidmatan, bon pelaksanaan dikenakan pada kadar 2.5% bagi nilai kontrak melebihi RM200,000.00 – RM500,000.00 dan pada kadar 5% bagi nilai kontrak melebihi RM500,000.00</p> <p>Contoh: Tempoh kontrak 1 Tahun</p> <p style="margin-left: 40px;">Jumlah nilai kontrak = RM400,000.00 Bon Pelaksanaan = 2.5% x RM400,000.00 = RM10,000.00</p> <p style="margin-left: 40px;">Jumlah nilai kontrak = RM1,000,000.00 Bon Pelaksanaan = 5% x RM1,000,000.00 = RM50,000.00</p>	<p>AP 200.2</p> <p>SPANM BIL.15 TAHUN 2015 (LAMPIRAN C – TATACARA PERAKAUN AN BON PELAKSANAAN BAGI PEROLEHAN KONTRAK KERJA</p>

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : **BON PELAKSANAAN**

TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018

MUKA SURAT : 2/6

BIL	PERKARA	MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK	RUJUKAN
		<p>2.4 Bagi kontrak bermasa (periodic contract) yang berkuat kuasa dalam tempoh dua (2) tahun atau lebih, peratus dan pengiraan nilai Bon Pelaksanaan hendaklah dikira mengikut anggaran harga kontrak setahun sahaja. Walau bagaimanapun, Bon Pelaksanaan yang dikemukakan oleh kontraktor hendaklah meliputi keseluruhan tempoh kontrak bermasa.</p> <p>Contoh: Tempoh kontrak 2 Tahun atau lebih</p> <p>Dapatkan anggaran nilai kontrak setahun dengan membahagikan nilai kontrak keseluruhan dengan bilangan tahun iaitu tempoh kuatkuasa kontrak</p> <p>Jumlah nilai kontrak = RM300,000.00 / 3 Tahun = RM100,000.00</p> <p>Bon Pelaksanaan = 2.5% x RM100,000.00 = RM2,500.00</p> <p>Jumlah nilai kontrak = RM4,000,000.00 / 4 Tahun = RM1,000,000.00</p> <p>Bon Pelaksanaan = 5% x RM1,000,000.00 = RM50,000.00</p> <p>2.5 Jaminan hendaklah dikemukakan dalam Ringgit Malaysia (RM) dari bank-bank atau institusi-institusi kewangan yang dibenarkan oleh Perbendaharaan ada dalam bentuk:</p> <ol style="list-style-type: none">Jaminan Bank/Syarikat Kewangan yang dikeluarkan oleh bank-bank/syarikat kewangan berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia; atauJaminan Bank Islam yang dikeluarkan oleh bank-bank berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia; atauJaminan Insurans yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat insurans yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia; atau	Lampiran 1

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : **BON PELAKSANAAN**

TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018

MUKA SURAT : 3/6

BIL	PERKARA	MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK	RUJUKAN
		<p>iv. Jaminan Takaful yang dikeluarkan oleh Syarikat Takaful yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia; atau</p> <p>v. Jaminan yang dikeluarkan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia (SME Bank).</p> <p>2.6 Bon Pelaksanaan dalam bentuk Jaminan Bank / Jaminan Bank Islam / Jaminan Syarikat Kewangan / Jaminan Insurans / Jaminan Takaful hendaklah dikemukakan bersama-sama dengan Surat Setuju Terima.</p> <p>2.7 Pastikan Jaminan Bank / Jaminan Bank Islam / Jaminan Syarikat Kewangan / Jaminan Insurans / Jaminan Takaful tersebut masih dalam tempoh sah laku seperti mana yang telah ditetapkan di dalam kontrak.</p> <p>2.8 Setiap Bon Pelaksanaan yang diterima perlu disemak dengan Bank/ Syarikat Kewangan / Bank Islam / Syarikat Insurans / Syarikat Takaful yang berkenaan tentang kesahihan Bon Pelaksanaan yang dikemukakan kontraktor.</p> <p>2.9 Sekiranya terdapat kes pemalsuan Bon Pelaksanaan, laporan polis hendaklah dibuat supaya tindakan dapat diambil kerana kes pemalsuan sedemikian adalah merupakan kes jenayah. Bagi kontrak bekalan dan perkhidmatan, laporan segera perlu dibuat kepada Perbendaharaan dan bagi kontrak kerja, laporan perlu dibuat kepada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).</p> <p>2.10 Sekiranya kontraktor gagal mengemukakan Jaminan Bank / Jaminan Bank Islam / Jaminan Syarikat Kewangan / Jaminan Insurans / Jaminan Takaful pada tarikh milik tapak, secara automatik kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan (merupakan sejumlah wang yang dipegang oleh kerajaan bagi memastikan kontraktor memenuhi dan melaksanakan obligasinya di bawah kontrak) adalah terpakai. Jika semasa pelaksanaan projek, kontraktor mengemukakan Jaminan Bank atau Jaminan Insurans, Kemneterian/Jabatan dikehendaki memulangkan WJP yang ditahan.</p>	Lampiran 2

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : **BON PELAKSANAAN**

TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018

MUKA SURAT : 4/6

BIL	PERKARA	MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK	RUJUKAN
3.	Mengakaunkan Bon Pelaksanaan	<p>3.1 WJP diterima melalui potongan bayaran kemajuan kontrak. Potongan dikenakan sebanyak sepuluh peratus (10%) daripada bayaran kemajuan pertama dan seterusnya sehingga mencapai jumlah lima peratus (5%) daripada nilai keseluruhan kontrak.</p> <p>3.2 Setelah projek siap dan Perakuan Siap Kerja diterima, lima puluh peratus (50%) WJP dikembalikan kepada kontraktor.</p> <p>3.3 Baki WJP akan dikembalikan dua belas (12) bulan setelah tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan atau setelah Perakuan Siap Membaiki Kecacatan dikeluarkan, mengikut mana yang terkemudian.</p>	Lampiran 3
4.	Pelepasan Bon Pelaksanaan	<p>4.1 Bon Pelaksanaan boleh dilepaskan setelah segala obligasi kontrak selesai. Surat Pelepasan (Letter of Discharge) bagi Jaminan Bank / Jaminan Syarikat Kewangan / Jaminan Bank Islam / Jaminan Insurans / Jaminan Takaful hendaklah dikemukakan kepada Bank / Syarikat Kewangan / Bank Islam / Syarikat Insurans / Syarikat Takaful. Salinan asal atau satu salinan yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan hendaklah disimpan sebagai rekod.</p>	
5.	Bon Pelaksanaan Bagi Kontrak Yang Ditamatkan	<p>5.1 Sekiranya kontraktor gagal memenuhi syarat bagi menyiapkan projek dan kontrak ditamatkan, Bon Pelaksanaan akan dirampas dan dikreditkan ke Akaun Hasil Denda dan Rampasan.</p> <p>a. <u>WJP</u></p> <p>WJP yang dirampas perlu diselaraskan ke Akaun Hasil Denda dan Rampasan.</p> <p>b. <u>Jaminan Bank / Jaminan Bank Islam / Jaminan Syarikat Kewangan / Jaminan Insurans / Jaminan Takaful</u></p> <p>Jaminan Bank / Jaminan Bank Islam / Jaminan Syarikat Kewangan / Jaminan Insurans / Jaminan Takaful yang dirampas hendaklah dituntut dan diakaunkan dengan segera. Penyata Pemungut disediakan dengan mengkreditkan ke Akaun Hasil Denda dan Rampasan.</p>	

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : **BON PELAKSANAAN**

TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018

MUKA SURAT : 5/6

BIL	PERKARA	MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK	RUJUKAN
6.	Bon Pelaksanaan Untuk Membaiki Kecacatan	<p>5.2 Projek yang gagal hendaklah diteruskan dengan menggunakan vot sedia ada atau memohon peruntukan baharu.</p> <p>6.1 Jika kontraktor asal membaiki kecacatan dengan menggunakan perbelanjaannya sendiri, baki WJP dikembalikan kepada kontraktor dua belas (12) bulan tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan atau setelah Perakuan Siap Membaiki Kecacatan dikeluarkan, mengikut mana yang terkemudian.</p> <p>6.2 Jika kontraktor asal gagal untuk membaiki kecacatan dan kontraktor baharu dilantik bagi maksud tersebut maka tuntutan hendaklah dibuat ke atas WJP.</p> <p>a. <u>WJP</u></p> <p>Penggunaan WJP adalah terhad kepada kos sebenar yang digunakan untuk membayar kontraktor baharu. Baki WJP (sekiranya ada) dikembalikan kepada kontraktor asal.</p> <p>b. <u>Jaminan Bank / Jaminan Bank Islam / Jaminan Syarikat Kewangan / Jaminan Insurans / Jaminan Takaful</u></p> <p>Tuntutan hendaklah dibuat ke atas Jaminan Bank dan Jaminan Insurans untuk membayar kos membaiki kecacatan oleh kontraktor baharu. Baki Wang Tuntutan Bon Pelaksanaan (sekiranya ada) dikembalikan kepada kontraktor asal.</p> <p>6.3 Sekiranya Bon Pelaksanaan tidak mencukupi untuk menampung kos membaiki kecacatan, Kementerian/Jabatan (pemilik projek) hendaklah menampung lebihan kos tersebut dengan menggunakan vot sedia ada.</p> <p>6.4 Kos membaiki kecacatan yang menggunakan vot Kementerian/Jabatan hendaklah dituntut daripada kontraktor asal dan dimasukkan semula ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan (KWP).</p>	Lampiran 4

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : **BON PELAKSANAAN**

TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018

MUKA SURAT : 6/6

BIL	PERKARA	MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK	RUJUKAN
7.	Peranan dan Tanggungjawab Pejabat Pembayar	<p>7.1 Penerimaan Bon Pelaksanaan</p> <ul style="list-style-type: none">i. Memastikan Bon Pelaksanaan dikemukakan oleh Kontraktor mengikut tempoh yang ditetapkan;ii. Menyemak dan mengesahkan kesahihan surat jaminan yang dikemukakan oleh Kontraktor dengan pihak Bank / Syarikat Kewangan / Bank Islam / Syarikat Insurans / Syarikat Takaful yang berkenaan;iii. Memastikan Bon Pelaksanaan didaftar dan dikemaskini serta disimpan di tempat yang selamat;iv. Mewujudkan sistem maklumat pendaftaran Bon Pelaksanaan untuk mengumpul data berkenaan status Bon Pelaksanaan sebagai warning system bagi Bon Pelaksanaan yang belum diterima daripada Kontraktor serta memastikan Bon Pelaksanaan yang disimpan tidak terluput tanpa disedari;v. Membentangkan status dokumen kontrak serta pengumpulan dan pelepasan Bon Pelaksanaan bagi kontrak Kerja Dan Perkhidmatan Fasiliti yang dilaksanakan. <p>7.2 Pelepasan/ Rampasan Bon Pelaksanaan</p> <ul style="list-style-type: none">i. Bon Pelaksanaan boleh dirampas sekiranya Kontraktor tidak menyediakan Kerja Dan Perkhidmatan Fasiliti yang memuaskan serta melanggar mana-mana syarat sepertimana yang dipersetujui dalam dokumen kontrak;ii. Membincangkan dan memutuskan isu berkaitan rampasan Bon Pelaksanaan bagi Kontraktor yang telah ditamatkan kontrak kerana gagal menjalankan obligasi seperti mana yang dipersetujui dalam dokumen kontrak;iii. Memastikan Bon Pelaksanaan dikembalikan kepada Kontraktor setelah kontrak disempurnakan dengan memuaskan; daniv. Membentangkan status pelepasan/ rampasan Bon Pelaksanaan bagi kontrak Kerja Dan Perkhidmatan Fasiliti yang dilaksanakan.	